

Gah!

Santap tenang itik salai, burger dan kari ayam

► HARYANI ISMAIL
haryani@sph.com.sg

SAMBIL makan nasi berlauk kari ayam, dada itik salai, burger mini dan pasta 'carbonara' dendeng ayam belanda yang menyelerakan di Citrus Bistro, terasa ketenangan menyelina di hati.

Angin sepoi-sepoi bahasa yang berhembusan pagi Jumaat itu bak menyapa mesra kedatangan saya dan jurufoto Johari Rahmat ke kafe di Pusat Sukan Sengkang di 57 Anchorvale Road itu.

Terdengar pula bunyi simbah air daripada struktur permainan bal-bol raksasa di Kompleks Renang Sengkang di depan mata kami.

"Bunyi air ni macam terapi yang membuat segala serabut di fikiran lenyap," ujar Johari sambil memandang ke arah gelongsor berwarna-warni persis di taman air bertema yang sudah ditutup, Big Splash.

Citrus Bistro yang letaknya tidak jauh daripada Stesen MRT Sengkang dan Stesen LRT Farmway itu merupakan peluasan perniagaan kafe keluarga Citrus By The Pool di Woodlands Street 13.

Usahawan berbilang perniagaan yang juga bos besar Citrus Bistro, Encik Chris Pang, 36 tahun, berkata:

"Kebanyakan pelanggan saya yang seronok melangani Citrus By The Pool di Woodlands kerana harganya yang berpatutan kerap bertanya, 'Mengapa tidak buka kafe di daerah timur Singapura?'"

"Saya pula khuatir di kawasan timur Singapura, sudah banyak kafe halal."

"Dengan banyak pilihan, pasti saingannya amat sengit."

"Kebetulan, saya lungsur laman Internet dan terlihat Majlis Sukan Singapura (SSC) mencari penyewa bagi ruang di Pusat Sukan Sengkang ini."

"Maka saya dan rakan niaga saya



TEPATI CITA RASA: Citrus Bistro mengenalkan sajian baik yang dekat di hati orang Melayu seperti kari ayam (*dimakan dengan nasi atau roti*); disenangi kanak-kanak seperti nachos dan burger mini mahupun yang mengajak mereka keluar daripada zon selesa seperti dada itik salai dan pasta 'carbonara' dendeng ayam belanda.

membangunkan kafe ini menjadi tempat bersembang sambil mengadakan keramaian seperti majlis sambutan hari lahir."

Encik Pang yang juga mengendalikan perniagaan pakaian trendy dan jual beli kereta melihat potensi Citrus Bistro sebagai tumpuan ibu bapa yang ingin bersantai dan menjamu selera sementara menanti anak mereka beriadah di kompleks renang.

"Selain menyediakan khidmat katering dan lokasi bagi majlis hari lahir, kami pastikan makanan kami ringkas dimakan seperti burger mini, ayam popcorn dan karipap tuna atau ayam."

"Pastinya snek sebegini berselera buat kanak-kanak yang datang berkunjung," tambahnya.

Ditanya mengapa kari ayam dan

nasid atau roti disajikan di Citrus Bistro, Encik Pang tertawa seraya berkata:

"Ini disediakan atas permintaan abang-abang yang tak boleh lepas daripada makan nasi! Isteri mereka mungkin terbuka mencuba pasta, makanan Barat atau manisan kami."

"Bagaimanapun, saya dapati abang-abang Melayu ini lebih berselera makan nasi dan kari. Setelah berbincang dengan cef, maka inilah hidangan khusus buat mereka."

Hidangan dada itik salai yang disajikan dengan sayur-sayuran segar, cendawan liar dan sos pekat (*hoisin*) yang biasanya digunakan dalam masakan Cina pula dikenalkannya kerana akur pelanggan Melayu kini berani mencuba dan menantikan ke-lainan.



KHIDMAT DENGAN SENYUMAN: Bos besar Citrus Bistro, Encik Chris Pang (*tengah*), bersama kakitangannya, (*dari kiri*) kru perkhidmatan, Cik Lopez Jenevie Ferrer; Pengurus operasi, Encik Sean He; Tukang masak, Encik Muhammad Kharunarashid Mustamin dan Cef Mohamed Ibrahim Syed Mohamed, ingin mewujudkan kafe mesra keluarga yang juga mampu menyediakan ruang keramaian seperti majlis sambutan ulang tahun. – Foto-foto JOHARI RAHMAT

Sup cendawan, pelbagai jenis roti sandwich dan pasta, kek *molten chocolate lava* serta wafel *Rocky Road Treat* (ditabur *marshmallow*, beri, pisang dan kacang) pula antara tarikan Citrus Bistro. Harga makanan berpatutan (tidak melebihi \$20).

"Sekilas senyuman pelanggan saya paling bermakna. Ia memberi saya dan pekerja saya keyakinan agar menyalurkan yang terbaik dalam khidmat kami," jelas Encik Pang.

Jika anda hanya ingin melangani kafe ini tanpa menggunakan kemudahan kompleks renang dan pusat sukan, tiada bayaran masuk ke ruang sukan itu diperlukan.

Anda boleh memesan makanan kafe ini menerusi aplikasi Food Panda dan Deliveroo.